

## Analisis Kajian Sastera: Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan

### Analysis of Literature Research: Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan

JYH WEE SEW

#### ABSTRAK

*Perbincangan ini meninjau kualiti sebuah buku ilmiah bahasa Melayu yang diterbitkan pada 2014. Kerangka ilmiah yang digunakan membahagikan penilaiannya ke dalam dua kategori, iaitu penampilan luaran dan struktur dalaman. Kategori pertama memeriksa kualiti suntingan dan ketelitian rujukan manakala kategori kedua meninjau kualiti kajian serta kepersisan aspek teori yang digunakan sebagai wadai perbincangan. Kualiti suntingan bermaksud ketepatan dalam ejaan sesuatu bahasa. Ketelitian rujukan ilmiah bererti penampilan kesemua rujukan yang digunakan ke dalam senarai bibliografi. Kualiti kajian dalam perbincangan ini merujuk pada sebarang lanjutan pengetahuan daripada analisis buku yang berkesinambungan dengan hasil kajian yang tersedia ada, atau memperbetul hasil kajian yang terkandung dalam sorotan kajian. Kepersisan aspek teori dalam konteks ini merupakan kejelasan penulis mengaitkan pandangannya dengan ufuk pemikiran baharu berdasarkan pemilihan pecahan tertentu daripada mazhab pemikiran yang diperguna sebagai kerangka kajian. Keempat-empat sudut pandangan ini beroperasi sebagai kayu pengukur bagi sebuah tulisan yang berpegang pada kerangka semiotik. Kandungan buku ini mengandungi kekurangan dari segi kesalahan ejaan hingga ke tatacara rujukan ilmiah yang kurang teliti diperhatikan dalam bibliografi. Perbincangan semiotik yang dipaparkan agak terbatas pada hubungan penanda dan rujukan. Konsep mitologi, iaitu analisis semiotik pada tahap tinggi yang dipelopori oleh Roland Barthes, di luar skop analitik buku ini. Perhitungan ikon, indeks dan simbol dalam analisis novel-novel menunjukkan bahawa kajian semiotik dalam buku ini hanya setakat mengemukakan istilah semiotik sebagai satu katalog penganalisan novel Melayu.*

*Kata kunci: Buku ilmiah Melayu; kajian semiotik; Anwar Ridhwan; novel Melayu; mitologi*

#### ABSTRACT

*This discussion inspects the quality of a Malay academic book published in 2014. The academic framework examines the external presentation and the internal structures. The former scrutinises the qualities of editing, and attentiveness to referencing whereas the latter evaluates the qualities of research as well as the accuracy in using aspects of theory as part of the argument. The quality of editing informs on the accuracy of spelling whereas attentiveness academic referencing entails a complete inclusion of all the consulted references in the bibliography. Research quality refers to any expansion of knowledge from the analysis of the book in cohesion with the existing findings, or any reconciliation for the existing findings identified in the literature review. The accuracy of theoretical application, on the other hand, refers to the author's clarity in detailing the arguments towards a new horizon of viewpoints based on the selection of specific components from the theory subscribed in the research. This article shows that the book under investigation contains shortcomings ranging from errors in spelling to inconsistent reference organization in the bibliography. Furthermore, the rather limited discussion in the book on the associations between signifier and signified fails to uphold the concept of mythology, a higher order semiotic analysis pioneered by Roland Barthes. Due to a surface application of the field of semiotics, that is a mere counting of icon, index and symbols in the analyses, the research of this book is limited to a cataloguing of semiotics terminology into Malay novels.*

*Keywords: Malay academic book; semiotic research; Anwar Ridhwan; Malay novel; mythology*

## PENGENALAN

Kajian semiotik dalam bidang ilmu kemanusiaan dan sains sosial berleluasa diusahakan dalam bahasa Perancis sejak tahun 50-an. Antara yang lain, karya dan analisis gaya kehidupan golongan menengah atas yang bergelar *bourgeois* telah dipelopori oleh Roland Barthes (2002; 2012/1957). Barthes yang bersifat kritis terhadap kegiatan budaya menengah seperti berjudi, berlaga lembu dan memuja bintang filem sensasi memang dikenali sebagai bapa semiotik struktural dan pascastruktural. Pada masa yang sama kemampuan Barthes mempergunakan konsep *signifier*, *signified* dan *sign*, diketengahkan oleh Ferdinand de Saussure, sebagai pengkaedahan kritikan dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan memang diakuri (Belsey 2002). Sebaliknya, secara perbandingan, adalah jarang-jarang sekali bagi pengkaji ilmu kesusasteraan Melayu menerapkan kajian semiotik ke dalam penerbitan karya bahasa Melayu. Justeru itu, penerbitan buku *Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan* merupakan suatu usaha ilmiah tentang perkembangan persuratan Melayu moden yang menarik minat para pembaca.

*Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan* ialah buku kritikan sastera Melayu terbitan tahun 2014. Binaan utama buku ini terdiri daripada enam bab, yang dilengkapi dengan senarai bibliografi dan satu rujukan indeks. Di samping itu, buku ini juga memuatkan seperangkat *Prakata*, *Pengenalan* dan *Penghargaan* sebagai prakajian yang mendahului *Bab Pertama*. Dalam bahagian *Penghargaan*, lima orang dikenal pasti sebagai penyelia kajian yang telah dibukukan. Barisan penyelia ini terdiri daripada Mohd. Sahlan Mohd. Saman, Mohammad Mokhtar Abu Hassan, Anuar Hj. Rethwan, Zahir Ahmad dan Pawang Buaya Nik Mamat. Buku setebal 403 halaman ini juga memuatkan kata pengenalan daripada salah seorang penyelia kajian.

Dalam bahagian pengenalan ini beberapa sumber kajian daripada beberapa orang sarjana telah dinyatakan sebagai rujukan utama. Bahagian yang berkenaan dengan fakta tersebut diturunkan sebagai sumber perbincangan:

Seperkara lagi yang perlu disentuh tentang kajian ini ialah senarai kajian lepas (*related readings*) yang dilakukan penulis ini sebelum masuk ke dalam penyelidikan... Antara tokoh sarjana yang telah disenaraikan hasil kajian mereka... Peirce (1965), Riffaterre (1978), Umar Junus (1981), Supardy Muradi (1984, 1985, 1990),

A. Teeuw (1992), (1981), A. Rahim Abdullah (1992), Yusafli (2000), Mohamad Shaidan (2001), Sahlan Mohd Saman (1988, 2002), Mana Sikana (2004), Noriza Daud (2004), Hajijah Jais (2003), Mawar Safei (2005) [sic] dan beberapa yang lain... (Tengku Intan Marlina, 2014, hlm. xv).

Kutipan di atas mengandungi tiga masalah. Pertama masalah kejituan dalam kajian muncul kerana bukan kesemua nama yang bergelar tokoh sarjana itu sememangnya tokoh sarjana. Sorotan yang lebih teliti pada bahagian *Bibliografi* menunjukkan bahawa item Yusafli (2000), item Mohamad Shaidan (2001) dan item Hajijah Jais (2003) sebenarnya judul-judul tesis ijazah sarjana. Sebaliknya, sumbangan Ferdinand de Saussure sebagai tokoh semiotik tidak diberikan penekanan dalam kajian ini. Walaupun nama Ferdinand de Saussure disebut pada halaman kedua, ketiga, serta kelima di dalam buku di samping penggunaan istilah *signifier* dan *signified* yang juga dimasukkan ke dalam indeks, buku Saussure (1983) telah hilang sama sekali dalam *Bibliografi*. Gejala buku yang berteorikan ilmu semiotik tetapi tidak mengandungi karya Saussure dalam rujukannya memperlihatkan kelemahan dari sudut suntingan ilmiah. Dakwaan kerangka semiotik yang digunakan bersusurkan mazhab Amerika Syarikat tidak masuk akal kerana istilah *signifier* dan *signified* telah diindekskan ke dalam buku (Tengku Intan Marlina 2014: 399). Seperkara itu, konsep semiotik Saussure menjadi pegangan asas pakar semiotik Roland Barthes sebelum pemahaman semiotik ini dikembangkan ke dalam konsep mitologi, iaitu tahap analisis semiotik yang lebih tinggi (Howells & Negreiros 2012/2003).

Di samping itu, penulisan buku ini yang telah membuat rujukan pada Teeuw, dan van Zoest terpaksa akur bahawa masing-masing merupakan pakar Belanda yang bermarkas di benua Eropah. Pengaruh konsep semiotik Saussure, yang telahpun berakar umbi di Eropah, ke atas sarjana Belanda tidak dapat dinafikan. Baik sebagai saripati mazhab struktural mahupun sebagai papan loncatan mazhab pascastruktural (Belsey 2002), Saussure tetap pelopor bidang semiotik dunia kesarjanaan di Eropah. Sumbangan Saussure menjadi pelapik ilmiah ilmu semiotik sudah tidak dapat disisihkan daripada kajian ini memandangkan buku ini mengakui kepentingan penerbitan pakar Belanda sebagai sumber rujukan.

Rujukan yang bernama Mawar Safei (2005) sebenarnya sebuah tesis ijazah kedoktoran. Kemas kini menggantikan rujukan tesis dengan terbitan buku ilmiah Mawar Shafei, *Novel intertekstual Melayu* (Penerbit UKM, 2010), yang berdasarkan tesis tersebut, perlu dilakukan agar rujukan menjadi lebih mutakhir. (Mawar Safei dan Mawar Shafei ialah nama pengarang yang sama). Dari sudut rujukan ilmiah, masalah tatacara merujuk secara berketertiban timbul kerana rujukan bagi item Mana Sikana (2004) dan item Noriza Daud (2004) tidak disenaraikan dalam butiran *Bibliografi*. Susunan *Bibliografi* dalam buku ini juga boleh dianggap pelik kerana setiap halaman memperlihatkan kecelaruan sistem rujukan yang tidak mengikut urutan abjad. Pada halaman 369, senarai rujukan memperlihatkan aturan tujuh item pertama berdasarkan nama pengarang atau judul seperti berikut:

JADUAL 1. Bibliografi (Tengku Intan Marlina 2014: 369)

| Nama pengarang/judul penerbitan | Item |
|---------------------------------|------|
| Abdul Halim                     | 1    |
| Abdullah Hassan                 | 2    |
| Abdullah Loutfi                 | 3    |
| Abdul Chaer                     | 4    |
| Abdul Rahman Haji Arshad        | 5    |
| Abu Bakar Jabir Al-Jazairi      | 6    |
| <i>About Waiting For Godot</i>  | 7    |

Sistem rujukan Jadual 1 tidak menurut ketertiban kerana menurut urutan abjad ejaan rumi, item ke-4 harus mendahului item pertama di dalam senarai rujukan. Selain daripada itu item ke-7 harus mendahului item ke-6 sebab kedudukan vokal /o/ yang lebih awal daripada vokal /u/.

## ASAS PENILAIAN ILMIAH

Perbincangan ini akan menilai kualiti ilmiah penerbitan buku ini. Kriteria penilaian buku pada tahap awal ini bersifat penilaian asas yang membabitkan kemahiran penulisan karya akademik. Kriteria pertama ialah kualiti suntingan teks. Penilaian suntingan ditinjau dari segi ketepatan ejaan memandangkan kesilapan ejaan akan mengganggu pemahaman sesuatu teks lantas menghambat penghayatan idea dan hujah yang

ingin diketengahkan. Dalam erti kata yang lain, kriteria pertama kualiti suntingan mencakupi persoalan sejauh manakah suntingan teks penerbitan ini berkesan dari sudut binaan *signifier* tekstual, yakni menepati sistem binaan semiotik asas dalam bahasa sasaran yang digunakan sebagai medium penyampaian. Anggapan bahawa kesalahan ejaan bersifat remeh-temeh hanya membantutkan konsep semiotik sebagai proses perlambangan yang berteraskan sistem ejaan.

Kriteria kedua ialah kedudukan pandangan analitik sesuatu kajian. Sejauh manakah kerangka teori bersinambungan dengan dapatan kajian adalah penting. Kemantapan skop sesuatu teori yang diutarakan melibatkan sorotan hasil kajian tersedia ada sebagai titik tolak agar kesahihan binaan kosa ilmu boleh dipercayai dalam penerbitan ilmiah. Sebarang hasil penemuan dalam kajian merupakan pemaparan ufuk baharu, ataupun pembetulan sebarang mitos lama yang kelupasan nilai kebenaran. Masalah mencampuradukkan dua tiga teori sebagai landasan kosa ilmu dalam buku ini menyiratkan risiko pemahaman asas menjadi kekabur-kaburan. Perkara ini diperhatikan dalam usaha padanan pragmatik van Zoest ke dalam sistem penandaan Peirce yang telah kemudiannya digandingkan dengan istilah Morris (lihat di bawah).

Seperkara itu, masalah takrifan dasar muncul apabila penulis meninjau sintaktis secara berasingan daripada semantik. Akibatnya penulis menimbulkan tanda tanya klasik bagaimana makna dapat dimengertikan tanpa ayat. Deal (2016) menunjukkan bahawa syarat dasar analisis semantik membabitkan bingkai dan acuan sintaksis sebagai rangkaian makna. Sintaksis atau binaan ayat diperlukan dalam perungkaian maklumat baru. Tanpa ayat atau binaan frasa, makna logikal tidak wujud dan sebarang pengertian teks tidak akan terhurai dengan sempurna. Baik pemahaman sesuatu perkataan ataupun penghuraian sesuatu imbuhan, pernyataan makna dalam bentuk ayat atau frasa sebagai syarat operan adalah perlu (Sew 2011).

Kriteria ketiga ialah sistem rujukan yang seturut dan tuntas. Sebarang rujukan bahan yang dibuat dalam teks seharusnya disenaraikan dalam bibliografi. Ketertiban mengatur sumber rujukan mengikut abjad rumi juga harus diperhatikan. Penelitian awal menunjukkan bahawa masalah kecelaruan dalam sistem catatan bibliografi wujud sebagaimana jadual berikut.

JADUAL 2. Bibliografi (Tengku Intan Marlina 2014: 372-373)

| Nama pengarang/judul penerbitan  | Kedudukan item dalam senarai |
|----------------------------------|------------------------------|
| Ekosistem dan keseragaman hayati | 49                           |
| Eco, Umberto                     | 50                           |
| Eisele, Carolyn                  | 51                           |
| .....                            |                              |
| Hasrom bin Harom                 | 68                           |
| Hashim Awang                     | 69                           |
| Hashim Musa                      | 70                           |

Berpanduan butiran bibliografi di dalam Jadual 2, adalah jelas bahawa item 49 sepatutnya berada di kedudukan sesudah item 51. Begitu juga dengan halnya item 68 yang sepatutnya bertempat di kedudukan selepas item 70. Jadual 2 menunjukkan tatacara rujukan yang kurang rapi sekaligus menjejaskan kualiti penerbitan ilmiah dari sudut ketertiban dalam kepustakaan buku tersebut.

Kriteria keempat menimbulkan tanda tanya sejauh manakan tinjauan semiotik penulis ini memperlihatkan aspek semiotik yang dikembangkan oleh Barthes (2012/1957) dalam kajian ini. Bibliografi buku ini menyenaraikan dua karya Barthes sebagai rujukan. Penulisan yang berdasarkan teori semiotik sebagai pangkalan kajian seraya memuatkan cakupan wacana pada tahap novel tidak seharusnya terkongkong dengan analisis frasa dan ayat. Kajian semiotik bagi novel harus meninjau ideologi yang bersumberkan binaan lambang sebagai dasar mesej yang disengajakan oleh pengarang melalui binaan watak, tema dan penggarapan isu-isu di sebalik proses berkarya demi pensejarahan plot. Konsep mitologi yang dipelopori oleh Barthes adalah penting sebagai teknik pendedahan ideologi tersirat kelas menengah dalam karya kreatif bertulis seperti novel.

Penilaian seterusnya membabitkan beberapa bab terpilih dalam buku ini. Huraian yang diberikan menggunakan dua sudut pandangan. Pertama, sudut pandangan pembaca kerana menurut Barthes, segala usaha kreatif hanya berkesahihan melalui proses pembacaan yang diusahakan oleh setiap pembaca. Dengan ini, dalam fahaman semiotik yang asal, pengarang yang sebenar tidak wujud. Pengarang hanya sekadar tukang tulis. Kedua, sudut pandangan pengkaji yang berdisiplinkan ilmu semiotik agar penilaian ini menurut prinsip ilmiah yang boleh dipercayai. Dalam sudut pandangan ini, bandingan kerangka semiotik dilakukan supaya

gejala membandingkan buah epal dengan buah limau dielakkan dalam kajian ilmiah. Sebagai suatu persilangan budaya Melayu, dicadangkan agar kita tidak *membandingkan kerang dengan kepah*.

### SEMIOTIK DAN KEGUNAANNYA

Dalam *Bab 1*, penulis meninjau susur galur sejarah kemunculan ilmu semiotik yang dikatakan berasal dari zaman Yunani khususnya buku *Cratylus* karangan Plato yang menyabitkan tentangan daripada golongan Stoics. Sebagai suatu pengamatan awal, dakwaan bahawa kajian semiotik bermula dari zaman Yunani adalah tidak benar kerana seseorang itu perlu mengambil kira evolusi pembentukan tulisan Cina. Tulisan Cina ialah bentuk semiotik yang bersifat *legisign*. *Legisign* merupakan lambang yang membawa sesuatu rujukan atau idea dalam fahaman semiotik yang asas. Dengan ini setiap perkataan Cina melambangkan idea tertentu sebagai kosa pengetahuan.

Pertikaian sama ada nama dan sesuatu objek rujukan memiliki hubungan wewenang atau konvensi disebut secara seimbis lalu sebelum perkaitan dibuat dengan kajian Ferdinand de Saussure di dunia Eropah dan Charles Peirce Sanders di dunia Amerika Syarikat pada abad ke-19. Konsep dyadik yang menjalinkan hubungan tanda dan rujukan telah dikenalpastikan daripada usaha Saussure. Selain daripada itu, penulis juga memperkenalkan doktrin formal tentang tanda-tanda yang diperkenalkan oleh Pierce dengan menggunakan konsep triadik. Penulis juga menerangkan usaha Michael Riffaterre yang mengaitkan ilmu semiotik dengan puisi. Puisi dikatakan mampu menunjukkan penggantian erti, penyimpangan erti dan penciptaan erti.

Kesalahan ejaan pertama didapati pada halaman kedua iaitu nama Ferdinand dieja sebagai \*Fredinand (Tengku Intan Marlina 2014: 2). Dua lagi kesalahan ejaan muncul apabila penulis membuat kutipan tambahan dalam bahasa Inggeris – *displacing of meaning* telah dicetak sebagai *dispalcing [sic.] of meaning; distorting of meaning* telah dieja sebagai *ditrorting [sic.] of meaning* (Tengku Intan Marlina 2014: 6). Selain daripada itu, Bab 1 ada menyebut sumbangan Daniel Chandler dalam kajian semiotik yang berjudul *Semiotics: The basics* terbitan tahun 2002. Walaupun judul buku ini telah disebutkan butiran kepustakaan tentang judul ini tidak pernah muncul dalam *Bibliografi*. Perlu disebutkan bahawa Chandler telah mengemaskinikan buku beliau dan kini buku tersebut diterbitkan sebagai edisi kedua (2007).

Satu masalah yang serius muncul apabila apabila penulis buku ini memberikan pandangan berikut:

Bidang semiotik di Barat semakin kukuh dengan wujud laman web Daniel Chandler, (<http://www.argyroneta.com/s4B/sem01.html>) yang memberikan penerangan-penerangan tentang konsep-konsep yang dikemukakan oleh tokoh semiotik Saussure dan Pierce (Tengku Intan Marlina 2014: 7).

Satu persoalan asas timbul daripada kutipan di atas. Adakah bidang semiotik begitu goyah sebelum laman web Daniel Chandler sebelum ini? Kajian semiotik sudah lama mantap dan jurnal-jurnal semiotik seperti *Semiotica* (keluaran 207 pada 2015) dan *Social Semiotics* (berusia 25 tahun dengan 5 keluaran setahun). Jurnal-jurnal ini telah menerbitkan pandangan yang beraneka rupa dalam bidang semiotik. Penulis mungkin bermaksud bahawa laman web Chandler memantapkan fahaman semiotik dirinya.

Ferdinand de Saussure bukan ahli semiotik dalam erti kata yang sebenar dia tidak menerbitkan buku *Course in general linguistics*. Berdasarkan nota kuliah yang sempat dirakamkan oleh pelajar-pelajar beliau, *Course in general linguistics* hanya diterbitkan selepas kematian Saussure. Idea tentang rangkaian rujukan berdasarkan tanda dan proses pelambangan yang diilhamkan oleh Saussure, sebagai ahli bahasa dan ilmu filologi, telah mendatangkan manfaat besar kepada pengkaji sistem perlambangan seperti ahli bahasa mazhab struktural seperti Leonard Bloomfield dan Noam Chomsky serta ahli semiotik seperti Roland Barthes dan Jacques Derrida.

Konsep semiotik seperti *generic realism* berdasarkan hubungan mutlak antara pembaca/penonton/pengguna tanda dengan pemaparan penanda

boleh dikemukakan sebagai pemahaman rintis tentang makna semula jadi (Chandler 2007/2002). Berdasarkan penghayatan tanda yang wujud dalam lingkungan pengamatan penonton atau pembaca makna yang bersifat magis serta unik akan terbentuk. Kesan makna yang terjalin ini timbul serta-merta dan tidak telus dengan sebarang unsur luaran. Pada saat ini, menurut Barthes, pengarang teks akan 'mati' dan hilang daripada teks yang disediakan. Daripada isu kepengarangan sesuatu teks ini, Barthes mengingatkan bahawa sebarang usaha untuk berpusatkan pengarang pada sesuatu teks adalah seperti mengehadkan tafsiran teks tersebut. Oleh sebab itu, kita harus menolak pengagihan sebarang *rahsia*, iaitu makna mutlak ke atas sesuatu teks (Barthes 2002). Sememangnya segala penaakulan dan nilai persilangan budaya yang mungkin terkandung di dalam sesebuah teks tertakluk pada kelestarian fahaman yang ada pada satu orang sahaja, iaitu pembaca (Barthes 2002: 7):

Thus is revealed the total existence of writing: a text is made of multiple writings, drawn from many cultures and entering into mutual relations of dialogue, parody, contestation, but there is one place where this multiplicity is focused and that place is the reader, not, as was hitherto said, the author. The reader is the space on which all the quotations that make up a writing are inscribed without any of them being lost; a text's unity lies not in its origin but in its destination.

Sebagai contohnya, sasterawan negara Usman Awang memperlihatkan kehebatan penghasilan sajak daripada aneka sudut pandangan dalam koleksi dwibahasa *Salam Benua* (lihat Sew 2009: Bab 3). Tafsiran baru telah diberikan oleh pembaca ke atas sajak Usman Awang, iaitu *Hadihah* yang kaya dengan skrip budaya bernilai murni sehingga membabitkan unsur semiotik persembahan aneka kecerdasan (Kincheloe 2004).

Sudut pandangan yang kurang jelas dan rujukan bukan ilmiah muncul dengan penerangan konsep indeksikal yang bersifat rujukan deiktis di dalam bab pertama. Fahaman deiktis dalam buku ini mengelirukan pemahaman ekoran terjemahan silang. Kutipan yang berkenaan diturunkan (Tengku Intan Marlina 2014: 23):

Istilah deiktis dan anaforis dapat digunakan dengan baik untuk membezakan tanda-tanda indeksikal dalam teks. Semua perkataan deiktis yang diucap atau ditulis, seperti 'itu', 'ini', 'di situ', dan 'hari ini' merupakan indeks (Aart van Zoest 1990: 9). Begitu juga dalam bahasa Inggeris: 'That', 'this', 'here' and 'there' are indexical words (Chandler 2002: 37).

Tiga persoalan boleh ditimbulkan tentang kutipan di atas. Pertama, benarkah van Zoest berkata bahawa *itu, ini, di situ* dan *hari ini* merupakan indeks dalam judul asal; sebagaimana yang dimaksudkan dalam kutipan di atas? Persoalan ini ditimbulkan kerana rujukan yang digunakan ialah teks terjemahan berdasarkan sumber bahasa Belanda. Kedua, keterangan dalam kutipan di atas menyiratkan fahaman bahawa bahasa Inggeris digunakan sebagai garis panduan analisis semiotik dalam novel Melayu. Dengan mengapitkan Chandler dan van Zoest, suatu rujukan silang antara kata penunjuk (*demonstrative*) bahasa Belanda dengan kata penunjuk bahasa Inggeris telah berlaku. Belum tentu kaedah ini menjamin kebenarannya sekiranya ia dipadankan ke dalam sistem tatabahasa kata penunjuk bahasa Melayu. Ketiga, mengapa tidak ada pembaca salinan praterbitan meminta keterangan kepustakaan bagi buku Chandler yang digunakan sebagai sumber kutipan? Kecuaian teknikal ini membayangkan masalah ciplak dalam dunia ilmiah.

Sebenarnya setiap perkataan akan menjadi deiktik kalau perkataan tersebut menjadi suatu ujaran yang digunakan sebagai keterangan sebarang rujukan yang tampak di antara penutur dan pendengar. Sebab itu muncul konsep makna kontekstual yang bertunjang daripada kaca mata penutur atau penonton dalam kajian audiens pascastruktural. Alasannya, sebarang nilai perlambangan dalam sistem tanda hanya bersifat luaran bergantung pada hasrat, kehendak dan cita rasa pengkaji. Sememangnya penanda semiotik tidak mengandungi sebarang makna di dalamnya kerana jati diri penanda adalah geronggong. Oleh sebab itu, makna apa jua sekalipun boleh dimengerti berdasarkan tafsiran pengkaji/pembaca sendiri.

Konsep sintaksis dirujuki dalam perbincangan bab pertama. Fahaman tersebut digunakan untuk menghuraikan maksud satu perenggan yang dikutip daripada novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (Tengku Intan Marlina 2014: 36). Pengarang menerangkan semula perenggan pilihannya dalam bahasa Melayu. Tidak ada usaha untuk memperlihatkan perkaitan sintaksis sebagai untaian ayat selaku lambang bagi pemikiran yang disengajakan (Sew 2015a). Kegagalan penulis menunjukkan sintaksis sebagai penanda mitologi dalam kajian semiotik (Barthes 2012/1957) merupakan kelemahan dasar perbincangan semiotik dalam buku ini. Aspek teori semiotik ini

penting untuk memahami teks sebagai kenderaan pemikiran yang sengaja meleakakan pembaca agar seseorang itu terlupa akan sejarah sebab musabab sesuatu plot.

Sememangnya, semua novel terdiri daripada binaan ayat yang beraneka ragam. Peraturan pola ayat atau rumus penerbitan kosa kata yang digunakan dalam ungkapan ayat bahasa Melayu moden telahpun dipelopori sejak zaman pendita Za'ba. Seterusnya, nahu atau peraturan pembentukan ayat mengalami proses pembaikan dan kemas kini yang mutakhir oleh tokoh-tokoh bahasa. Dalam perkembangan pembelajaran bahasa Melayu mutakhir, nahu pelajar bahasa Melayu menjadi bahan kajian ke arah kerangka penilaian progresif dalam pemerolehan bahasa Melayu (Sew 2015b). Sintaksis bahasa Melayu dalam erti kata lain menjadi kerangka pembinaan semua novel Melayu, sama ada penulis memilih penakrifan sintaksis, baik fahaman Charles Morris, atau fahaman Noam Chomsky dalam perbincangan. Apa jua sekalipun fahaman kedua-dua ahli bahasa orang putih ini, saripati tatabahasa Melayu tetap tidak akan berubah. Penggunaan dan aturan tatabahasa berdasarkan kepentingan manusia untuk berkomunikasi secara berbudi bahasa akan menyiratkan penguasaan nahu budaya (Sew 2015c). Novel yang berbeza-beza muncul bukan disebabkan untaian sintaksis tetapi ragam ayat (stailistik) berserta pemilihan kosa kata yang menampilkan nilai budaya yang halus, tema yang mencerminkan norma-norma setempat, watak-watak arkitaip, pandangan universal serta nilai peribadi yang digandingi dengan latar belakang kolokial, pegangan agama dan anutan politik harian yang bertempat di hati pengarang masing-masing. Dari sudut kepersisan kajian, aspek teori semiotik yang perlu diungkitkan sebagai perbincangan ialah proses pensejaraan yang telah berlaku dengan penggunaan lambang, baik sebagai modal penulisan (Shahnon Ahmad 1992, Isa Kamari 1998) mahupun sebagai persembahan seni di skrin atau pentas (Howells & Negreiros 2012/2003).

Penulis buku mengetengahkan rumusan semiotik dengan menggabungkan konsep semiotik Pierce bersama fahaman pragmatik van Zoest dan dikaitkan dengan teori semiotik Morris dalam sebuah gambar rajah (Tengku Intan Marlina 2014: 49). Seterusnya, dijelaskan oleh penulis bahawa karyanya memperguna teori semiotik Morris pada tiga buah novel Anwar Ridhwan. Menurut penulis (Tengku Intan Marlina 2014: 50):

...ketiga-tiga novel kajian diteliti melalui peringkat sintaksis terlebih dahulu untuk melihat tanda daripada struktur ayat. Kemudiannya beralih ke peringkat semantik yang merupakan telaah makna. Pada tahap pragmatik, penelitian dibuat berdasarkan pengarang teks, pengarang-pembaca, dan pengarang-dunia nyata...Menerusi hubungan pengarang teks, pengkaji akan melihat tujuan pengarang dalam penghasilan novelnya. Menerusi hubungan pengarang-pembaca pengkaji akan melihat keberkesanan teknik yang dipilih oleh pengarang...untuk membawa pembaca ke mana-mana sahaja yang dikehendakinya....Tetapi pembaca (golongan kedua) yang tidak mempunyai pengetahuan ilmiah...pasti mengalami kesukaran untuk memahami novel-novel Anwar Ridhwan dengan lebih mendalam.... Justeru, semiotik dapat membantu golongan kedua ini. Hubungan pengarang-dunia nyata pula melihat sama ada kisah yang diceritakan oleh pengarang benar-benar berlaku dalam dunia nyata ataupun tidak.

Beberapa persoalan timbul. Pertama, bukannya setiap pembaca yang sanggup membaca novel itu sudah berbekalkan ilmu asas iaitu ilmu literasi (daya celik huruf) dan ilmu budaya sendiri (nilai jati diri). Kedua, pemahaman novel yang bagaimana sebenarnya dikatakan mendalam. Perlukah setiap pembaca mendapat pemahaman yang serupa selepas membaca sesebuah novel (mitos rahsia tersembunyi)? Apakah novel itu sebuah kitab ramalan sesuatu perkara yang akan berlaku ataupun sebuah dokumentasi sejarah yang merakam peristiwa melampau yang benar-benar berlaku? Di mana letaknya konsep fiksi dalam novel sebagai imaginasi intertekstual yang kreatif? Konsep 'kematian' pengarang sebagai dasar kelahiran pembaca yang dijelaskan oleh Roland Barthes perlu diambil kira dalam perbincangan penulis. Sistem pemikiran struktural dalam minda setiap orang berdasarkan unsur budaya jati tidak harus tersisih daripada fahaman dan pemikiran tentang teks (Anwar 2012).

### PENGARANG SEBAGAI IKON?

*Bab 2* buku ini mengandungi huraian yang terperinci tentang sejarah hidup Anwar Ridhwan. Selain daripada latar belakang keluarga, penulis berjaya membuat kajian yang teliti termasuk usaha penulis menyusur perkembangan kerjaya akademik Anwar Ridhwan dari peringkat sarjana muda ke ijazah falsafah kedoktoran. Analisis tentang skop kajian sarjana dan kedoktoran Anwar yang diterangkan telah memberikan suatu gambaran yang jelas.

Pengalaman Dr. Anwar bekerja di Tokyo dan kembali berkhidmat semula di Dewan Bahasa dan Pustaka telah membantu pembaca memahami unsur budaya ketimuran yang mendalam dalam novel-novel Anwar Ridhwan.

Perlu dijelaskan bahawa penulis menggunakan istilah ikon bagi Anwar Ridhwan. Sebagai contoh, berikut merupakan sedutan daripada *Bab 2* yang menunjukkan penggunaan ikon secara berleluasa:

Setelah tamat kontraknya...ikon Anwar Ridhwan kembali ke Dewan Bahasa...Mulai 28 Jun 2001, ikon Anwar Ridhwan dilantik menjadi Pengarah... Ikon ini kemudian bersara dengan jawatan tersebut... Kemudiannya ikon Anwar Ridhwan bergiat dalam Persatuan...(Tengku Intan Marlina 2014: 59).

Penulis tidak menjelaskan tentang penggunaan ikon ini sama ada serupa dengan objek tahap pertama dalam huraian semiotik Charles Peirce yang diperkenalkan dalam *Bab 1* (Tengku Intan Marlina 2014: 17); atau ikon sebagai manusia sensasi dalam konsep budaya popular. Istilah *lambang ikonik* yang ditakrifkan sebagai keserupaan antara bentuk sesuatu lambang dan rujukan yang dilambangkan (Chandler 2007/2002) pada tahap semiotik menunjukkan kesilapan dalam penggunaan ikon sebagai perbincangan yang bersifat bacaan budaya popular, justeru itu bersalahan dengan projek kajian kesusasteraan yang diusahakan.

Daripada keterangan yang diberikan dalam *Bab 2*, penulis menganggap pengarang yang bernama Anwar Ridhwan sebagai petanda (rujukan sebenar empunya nama) bagi penanda (nama orang yang dirujuki). Justeru itu, penggunaan ikon dalam kutipan di atas merupakan istilah semiotik. Namun begitu, perbuatan menganggap Anwar Ridhwan sebagai suatu ikon semiotik tidak masuk akal kerana keterangan yang menjelaskan orang ini sebagai profesor universiti di Tokyo dan pengarah jabatan merujuk kepada watak kemanusiaannya dan bukannya suatu objek atau perlambangan terkemuka yang mewakili sesuatu genre/tradisi tertentu.

Maksud ikon dalam konteks *Bab 2* lebih merupakan tokoh. Contoh ikon atau tokoh yang mewakili sesuatu tradisi ialah P. Ramlee selaku ikon pelakon dan pengarah filem Melayu; Shahnnon Ahmad selaku tokoh novelis Melayu yang bukunya diterjemahkan ke bahasa Perancis dan diberikan liputan berita di ruang akhbar utama di Sydney; Asmah Haji Omar selaku ikon antropologi bahasa

Melayu serantau kerana meninjau perkembangan bahasa Melayu ke dunia Australia, ke sebelah utara Malaysia iaitu Selatan Thailand serta ke seberang Sumatera iaitu Kampar (Asmah 2015); Woody Allen sebagai ikon bintang dan pengarah filem yang memecah kaedah khayalan biasa menerusi filem, antara lain, *Purple Rose of Cairo*; Steven Tyler dan Joan Jett sebagai ikon ahli muzik rock yang mempopularkan genre rock di seluruh dunia pada tahun 70-an dan 80-an; dan Oprah Winfrey dan Barbara Walters sebagai ikon pengacara T.V. yang sudah tidak terasing lagi.

Dari sudut pandangan pengkaji semiotik, tindakan mengiklonkan seseorang lebih merupakan ketaksuban sehingga timbulnya kesilapan untuk menerapkan istilah sesuatu teori secara wewenang. Permainan istilah dalam sesuatu teori yang telah salah dari penggunaannya adalah serupa dengan pembiakan mitologi, yakni proses komunikasi yang mendukung mesej tertentu (Barthes 2012/1957: 217). Sebaliknya, dari sudut pandangan pembaca biasa, Anwar Ridhwan lebih mirip tokoh sastera yang pernah menerima Anugerah Sasterawan Negara Ke-10. Namun begitu, pandangan ini tetap membawa kepentingan peribadi seseorang pembaca memandangkan terdapat sebelas orang sasterawan dan seorang sasterawati lain yang menerima Anugerah Sasterawan Negara.

Setakat *Bab 2*, pengarang membuat kajian yang rapi terhadap penerbitan Anwar Ridhwan secara agak menyeluruh. Karya yang dihasilkan oleh Anwar Ridhwan telah dikelaskan ke dalam beberapa kategori termasuk novel, cerpen, puisi dan skrip drama. Keterangan yang terperinci memperlihatkan kekuatan pengarang mengkaji laporan panel dan media massa tentang kekuatan sesuatu karya yang memenangi hadiah sastera pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kekuatan bahagian ini terserlah dengan maklumat tentang karya yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Russia, Perancis, Inggeris, Cina dan Vietnam. Namun begitu, ada sebuah karya yang tertinggal daripada perbincangan penulis, iaitu buku Anwar Ridhwan yang berjudul *Wajah Timur Lidah Barat* (Anwar 2012). Kemungkinan besar, buku ini diabaikan sebab skop kajian *Wajah Timur Lidah Barat* di luar cakupan karya kreatif. Walau bagaimanapun, *Bab 2* buku menjadi rujukan dasar yang menyeluruh bagi pemahaman riwayat kepengarangan Anwar Ridhwan.

## SESIAPAPUN IKON

Bab ketiga merupakan bahagian yang paling tebal dalam buku ini dengan 130 halaman. Dalam bab ini, penulis memberikan sinopsis dan analisis semiotik bagi novel *Hari-hari terakhir seorang seniman* karya Anwar Ridhwan. Masalah pertama yang jelas ialah penggunaan istilah ikon bagi semua watak yang muncul dalam novel seperti *ikon Pak Hassan*, *ikon Selamah*, *ikon Senah*, *ikon Mat Junuh*, *ikon Aziz*, *ikon Ramli*, *ikon Paman Bahari*. Tidak cukup dengan menjadikan kesemua watak manusia sebagai ikon, penulis buku ini juga menggunakan istilah ikon metafora seperti berikut:

Untuk memperkukuh indeks ketuaan ikon Pak Hassan, Anwar Ridhwan juga memberikan tanda *ikon metafora* yang membandingkan masa yang pantas berlalu dengan ribut jelas terdapat dalam tanda sintaksis dibawah.... Satu *ikon metafora* yang dikirimkan oleh pengarang untuk menggambarkan indeks ketuaan ikon Pak Hassan yang uzur dengan seorang yang luka parah dalam peperangan. Ikon ini mengalami kesukaran untuk bangun walaupun menggunakan tongkat dan tongkat ikon Pak Hassan ialah *ikon metafora* kepada pedang yang panjang untuk menyokong badannya berdiri... (Tengku Intan Marlina 2014: 81, penekanan italik telah ditambah).

Penulisan sedemikian menimbulkan masalah yang besar dalam pemahaman kajian sastera yang dipaparkan. Dari sudut bacaan biasa, penggunaan ikon tidak diperlukan kerana ia tidak menambahkan sebarang unsur pengetahuan baharu sekiranya perkataan tersebut dihilangkan. Perkataan ikon boleh digantikan dengan perkataan *perwatakan* kalau penulis ingin membuat analisis sastera; dan perkataan *watak* sekiranya penulis membuat keterangan deskriptif tentang plot novel tersebut. Selain daripada itu, penyingkiran istilah ikon yang dimasukkan secara berleluasa akan melicinkan bacaan sekaligus menjimatkan kertas. Penerbitan buku merupakan proses penghakisan sumber alam dan suntingan yang rapi amat penting agar kertas putih hanya dimanfaatkan secara baik dengan butiran yang bernas dan bernilai tinggi.

Masih dari sudut pandangan pembaca biasa, persoalan yang timbul ialah mengapa proses mengiklonkan watak manusia yang berjela-jela dibiarkan begitu sahaja? Penulis buku ini hanya memberikan perhitungan dalam bentuk

sebuah rajah pada akhir *Bab 3*. Kesimpulan yang diberikan ialah terdapat 40 ikon (20%) dan ikon menduduki tempat kedua dalam binaan novel *Hari-hari terakhir seorang seniman* (Tengku Intan Marlina 2014: 202). Tidak dijelaskan sama ada, 40 ikon yang dimaksudkan bererti 40 jenis ikon atau 40 kali penggunaan ikon tertentu dilakukan oleh Anwar Ridhwan sebagai pengarang. Secara jelas, huraian yang lebih terperinci diperlukan, sebagai misalannya, sebuah jadual yang mengandungi senarai ikon-ikon seperti Mat Jenin dan kekerapan ikon ini muncul dalam teks (mungkin sebanyak 40 kali).

Dari sudut penilaian kajian sastera, 40 ikon tidak masuk akal seolah-olah penulis buku ini belum memahami konsep ikon.<sup>1</sup> Ikon merupakan rujukan yang mengandungi sifat kemiripan dengan objek sebenar. Watak novel Maria Zaitun dalam novel *Salam Maria* karya Fatimah Busu, sebagai misalannya, boleh dianggap ikon perempuan Melayu yang memiliki jati diri yang bersifat madani (nur keislaman) dan global (usaha daya) seperti yang diuraikan oleh Kalthum (2006). Huraian ke atas sesuatu ikon dalam novel perlu dijalankan secara terperinci sebagaimana huraian Maria Zaitun oleh Wong (2011). Sebaliknya, analisis menghitung ikon ialah tugas ahli ekonomi dan pakar statistiks.

Secara tegasnya, pemilihan 40 ikon dalam analisis buku yang sedang dipertikaikan akan mensyaratkan bahawa 40 tema analisis yang berbeza-beza diuraikan. Sebagai misalannya, sekiranya Pak Hassan benar-benar bertaraf ikon dalam novel yang dikaji, tema warga tua yang kehilangan kehebatan dan kekuatan diri dan ahli keluarga perlu diperbincang. Lebih penting lagi, bagaimana seseorang menghadapi ancaman nyanyuk sebagai penyakit minda pada akhir hayat perlu diteliti sebagai lanjutan pengikonan Pak Hassan. Perubahan psikologi daripada seseorang yang disegani bertukar menjadi seseorang yang dikasihani malahan diperolok-olokkan oleh budak-budak semasa mereka mencari sarang burung perlu difikirkan sebagai tamparan hebat kepada setiap warga emas pada hari-hari terakhir masing-masing.

Sekiranya Selamah yang dipilih menjadi ikon maka kedudukan wanita Kelantan di dalam struktur kampung amat penting. Berbekalkan watak separa mistik seperti Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong dalam cerita rakyat setempat,

lelaki Kelantan memiliki skrip budaya yang membolehkan mereka menerima kehandalan dan kepimpinan kaum perempuan (Shakila 2011, lihat konsep skrip budaya dalam Sew 2015c). Pada saat-saat terakhir, perwatakan Selamah tidak kurang seperti seorang puteri yang meminta dirinya didudukkan walaupun sedang menderita ketumpahan darah selepas kelahiran seorang anak lelaki.

Seperkara itu, kekuatan lahiriah dan batiniah dalam bentuk kecantikan, kreativiti, kebolehan mengemas rumah serta keenganan berkahwin menunjukkan bahawa anak perempuan bernama Senah mula mewarisi kekuatan ibunya. Kuasa mistik Senah telah muncul kerana perogolnya membunuh diri, dan mayatnya tidak dikebumikan mengikut hukum Islam. Perwatakan dan jati diri Senah sebagai wanita yang berjiwa kuat juga boleh diterangkan dengan keengganannya untuk terus hidup bersama dengan watak lelaki seperti Pak Hasan, Mat Junuh dan Aziz yang gagal mengenali ancaman bahaya kerana mereka membiarkan perogol mengintai dari perigi dekat dengan rumah sehingga perogol itu sempat bermaharaja lela di depan rumah pada petang yang malang. Tambahan pula, hala tuju Senah yang meninggalkan surau juga tidak dapat dikesan walaupun usaha mencarinya dimulakan dan kemudian dibantu oleh beberapa orang lelaki. Sebenarnya tindakan Senah mencari kehidupan baru di tempat asing boleh dianggap sebagai suatu sesi logoterapi bagi dirinya demi menggantikan kesan negatif tragedi hidup dengan tujuan baharu (lihat Ratna Roshida 2010).

Perkaitan elemen semiotik yang terhad dalam buku ini setakat perhitungan ikon, indeks dan simbol masih tidak mampu mendatangkan lantunan pemikiran dalam perkembangan kesusasteraan Melayu mutakhir. Selain daripada penggunaan tiga istilah Peirce, yakni ikon, indeks dan simbol secara amat kerap, penyelitan frasa *tanda sintaksis* juga menjadikan analisis dalam buku ini bercelaru dari sudut semiotik. Penulis buku ini juga menggunakan istilah *argument* yang mengandungi maksud semantik kognitif dalam kajian linguistik (Sew 2011). Penelitian semula istilah *argument* yang dinyatakan sebenarnya lebih merupakan maksud *hujah* atau *bukti* dalam perbincangan. Kekeliruan linguistik yang tidak ada sebab musabab seperti ini harus dielakkan dalam analisis kesusasteraan moden.

## KESIMPULAN

Penelitian awal buku ini menimbulkan beberapa keraguan. Pertama, apakah kekuatan penilaian semiotik sesuatu novel yang terhad pada perhitungan ikon, indeks dan simbol? Kesemua novel yang diteliti menunjukkan indeks sebagai unsur semiotik yang paling besar dari segi kuantiti dalam plot. Adakah ini ciri novel Melayu pengarang tertentu atau ciri kesemua novel Melayu secara lazim? Mengapa setiap watak dalam novel harus menjadi ikon? Adakah pengikonan watak manusia dapat menerbitkan penemuan baharu dalam kajian kesusasteraan? Sekiranya penemuan yang serupa boleh dicapai tanpa proses pengikonan, aspek teori semiotik yang digunakan gagal menghasilkan sebarang kesinambungan bagi penjaan ufuk minda yang baharu.

Sebenarnya gaya analisis penulis buku masih menggunakan kaedah konvensional seperti hubungan pengarang dengan pembaca berdasarkan teksnya seolah-olah pembaca hanyalah bekas penadah yang kosong. Dari sudut kritikan semiotik saranan Barthes, analisis yang bertuankan pengarang masih bukan analisis semiotik selagi pengarang tidak 'dimatikan'. Seiring dengan pandangan ini, satu persoalan dasar yakni mengapa pengarang novel juga menjadi ikon dalam *Bab 2* buku ini ditimbulkan. Pengarang buku ini dijadikan ikon sebagai lambang terutama bagi fenomena apa? P persoalan ini penting kerana ia menuntut agar setiap proses pengikonan diberikan sorotan tema dan renungan sosial yang sewajarnya. Penggunaan istilah kerangka ilmu semiotik hanya berguna pada tahap pemahaman asas. Tunjangan analisis baharu daripada istilah ini harus dibaik biak pada tahap yang lebih tinggi; sama ada dengan menggunakan kanta Barthes, Derrida atau ahli semiotik yang lain.

Sebagaimana yang telah dijelaskan, penerbitan buku ini juga mengandungi masalah suntingan yang harus dikemaskinikan. Isu seperti kesalahan ejaan dan kekurangan dari segi sistem aturan butiran bibliografi perlu dilestarikan oleh pembaca naskhah praterbit dan editor di samping penulis buku. Kelemahan ini menggugat usaha penggunaan bahasa Melayu khususnya dalam bidang penerbitan yang sering kali menjadi piawai pencapaian sesuatu bahasa sebagai medium perantaraan rasmi. Sememangnya makalah ini bersifat perbincangan ilmiah demi kemajuan persuratan Melayu dan bukan sebagai tohmahan akademik. Segala yang baik datang daripada yang Maha Esa, dan sebarang kekurangan dalam rencana ini milik saya sendiri.

## NOTA

1. Jumlah perhitungan ikon, indeks dan simbol dalam novel *Hari-hari terakhir seorang seniman* yang diberikan oleh penulis buku (Tengku Intan Marlina 2014) terdiri daripada dua nilai bercanggahan. Pada halaman 201 jumlah keseluruhannya ialah 196, tetapi angka ini menjadi 179 pada halaman 202. Perbezaan angka ini merupakan rujukan indeks tambahan bagi kualiti suntingan yang masih memerlukan pembaikan.

## RUJUKAN

- A. Rahim Abdullah. 1992. Tunggul-tunggul gerigis kaya dengan semiotik. *Dewan Sastera*. 22, 88-92. Mei.
- Anwar Ridhwan. 2012. *Wajah Timur Lidah Barat: Permasalahan Imperialisme Linguistik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 2015. Kampar dalam geolinguistik dan geobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa* 15(2): 201-218.
- Barthes, R. 2012/1957. *Mythologies*. Trans. Richard Howard & Annette Lavers. New York: Hill and Wang.
- Barthes, R. 2002. The death of the Author. In *The death and resurrection of the Author?* edited by William Irwin, 3-7. Westport: Greenwood Press.
- Belsey, C. 2002. *Poststructuralism: A Very Short Introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Chandler, D. 2007/2002. *Semiotics: The Basics*. 2<sup>nd</sup> Edition. London: Routledge.
- Deal, A.R. 2016. Person-based split ergativity in Nez Perce is syntactic. *Journal of Linguistics* 52(3): [belum cetak; 32 muka surat]
- Hajjah Jais. 2003. Novel-novel Anwar Ridhwan: Penerapan Teori Teksdealisme. Tesis Sarjana Sastera, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Howells, R., & Negreiros, J. 2012/2003. *Visual Culture*. Cambridge: Polity.
- Isa Kamari. 1998. *Satu Bumi*. Singapura: Pustaka Melayu.
- Kalthum Ibrahim. 2006. Maria Zaitun dalam Salam Maria lambang wanita mukmin masa kini. *GEMA Online Journal of Language Studies* 6(1): 11-20.
- Kincheloe, J. L., eds. 2004. *Multiple Intelligences Reconsidered*. New York: Peter Lang.

- Mana Sikana. 2004. *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mawar Safei. 2005. Kajian bandingan novel intertekstual Melayu. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.
- Mohamad Shaidan. 2001. Penjabaran semiotik dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Noriza Daud. 2004. Semiotik daripada perspektif Islam: Konsepsi lambang pantun warisan rakyat. Tesis Sarjana Sastera, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Peirce, C.S. 1965. *Collected papers of Charles Sanders* (Vol. I & II). Cambridge MA: Harvard University Press.
- Ratna Roshida Abdul Bakar. 2010. Memahami watak Sa'aman dalam Keluarga Gerilya: Satu pendekatan logoterapi Frankl. *Akademika* 79(1): 65-72.
- Riffaterre, M. 1978. *Semiotics of Poetry*. Bloomington: Indiana University Press.
- Sahlan Mohd. Saman. 1988. Antara dua kepercayaan: Satu perspektif semiotik. *Dewan Sastera*. 18, 70-72. Dis.
- Sahlan Mohd. Saman. 2002. *Pengajian Melayu dalam Konteks Kesusasteraan Bandingan*. Bangi: Persatuan Penulis Selangor.
- Saussure, F. de. 1983. *Course in General Linguistics*. Trans. Roy Harris. London: Duckworth.
- Sew, J.W. 2015a. Semiotics of performing in Najwa Latif's music videos. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 31(2): 299-321.
- Sew, J.W. 2015b. Assessing Malay proficiency at the tertiary level: Criteria features in learner language. *Kajian Malaysia* 33(1): 19-41.
- Sew, J.W. 2015c. Aspects of cultural intelligence in idiomatic Asian cultural scripts. *WORD* 61(1): 12-24.
- Sew, J.W. 2009. *Semiotik Persembahan Wacana*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sew, J.W. 2011. Pandangan alternatif pada analisis semantik kognitif imbuhan BeR-. *GEMA Online Journal of Language Studies* 11(2): 155-170.
- Shahnon Ahmad. 1992. *Ummi & Abang Syeikhul*. Pulau Pinang: Percetakan Yusran.
- Shakila Abdul Manan. 2011. Doing gender in literature. In *Our Lived Realities: Reading Gender in Malaysia* edited by Cecilia Ng, Noraida Endut & Rashida Shuib, 65-79. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Supardy Muradi. 1984. Semiotik dan kajian perlambangan. *Dewan Sastera*. 14, 35-39. Dis.
- Supardy Muradi. 1985. Semiotik dan muzik. *Dewan Sastera*. 15, 25-34. Mac.
- Supardy Muradi, eds. 1990. *Teori-Teori Kesusasteraan daripada Perspektif Semiotik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teeuw, A. 1992. *Membaca dan Menilai Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Intan Marlina. 2014. *Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Umar Junus. 1981. Puisi yang mantera di Indonesia: Suatu interpretasi. *Dewan Sastera*. 11, Nov.
- Van Zoest, A. 1990. *Fiksi dan Non Fiksi dalam Kajian Semiotik*. Terj. Manoeckmi Sardjoe. Jakarta: Intermasa.
- Yusafli. 2000. Kod sastera dalam puisi-puisi terpilih W.S. Rendra. Tesis Sarjana Sastera, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Wong, S.K. 2011. Gender, Islam and the "Malay Nation" in Fatimah Busu's Salam Maria. In *Melayu: Politics, Poetics and Paradoxes of Malayness* edited by Maznah Mohamad & Syed Muhd Khairudin Aljunied, 124-142. Singapore: Penerbit Universiti Nasional Singapura.

Jyh Wee Sew  
 Centre for Language Studies  
 Faculty of Arts & Social Sciences  
 National University of Singapore  
 9 Arts Link  
 AS4/02-05  
 Singapore 117570  
 E-mail: clssjw@nus.edu.sg

Received: 14 January 2016  
 Accepted: 7 May 2016

